

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL



Ismail Sabri bersama Dr Adham dan Khairy menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bekalan vaksin COVID-19 di antara Pharmaniaga yang diwakili Zulkarnain (dua dari kanan) dengan Sinovac yang dijalankan secara maya, semalam. (Foto BERNAMA)

Penularan COVID-19

## Vaksin Sinovac diedar akhir Mac

Pharmaniaga naik taraf kilang SVI untuk proses pembotolan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@nstp.com.my

**Kuala Lumpur:** Pharmaniaga Bhd akan memulakan proses pembotolan vaksin COVID-19 pada akhir bulan depan dan mengedarkannya kepada orang ramai pada akhir Mac.

Syarikat farmaseutikal itu menerusi anak syarikat milik penuh, Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS), akan melabur kira-kira RM3 juta bagi menaik taraf kilang suntikan volum kecil (SVI) bagi membolehkannya menjalankan proses pembotolan atau *fill and finish* vaksin COVID-19.

Pharmaniaga menandatangani perjanjian dengan Sinovac Life Sciences Co Ltd (Sinovac), syarikat dari China yang membekalkan vaksin COVID-19 untuk pembekalan 14 juta dos vaksin COVID-19 secara pukal bagi menjalankan proses pembotolan di Malaysia.

Projek pembotolan itu akan dilaksanakan PLS di kilang SVI berteknologi tinggi yang diubah suai. Bagi mencapai tujuan berkenaan, Pharmaniaga bekerjasama dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), untuk memastikan kilang terbabit akan sentiasa mematuhi syarat kawal selia yang ditetapkan.

Pengarah Urusan Pharmaniaga, Datuk Zulkarnain Md Eusope, berkata PLS yang mempunyai pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan mendapat pengiktirafan Kesatuan Eropah (EU) dikenal pasti oleh kerajaan sebagai kilang yang mempunyai keupayaan untuk melaksana dan mematuhi proses pembuatan vaksin sangat ketat selain memenuhi garis panduan serta

standari antarabangsa.

Katanya, Pharmaniaga amat yakin akan dapat melaksanakan tugas itu dengan baik kerana pakar teknikalnya berusaha membangunkan kilang vaksin halal pertama di dunia sejak 2017.

"Ketika COVID-19 tersebar ke seluruh dunia pada awal tahun lalu, kami segera menyusun atur semula pasukan untuk bekerja dengan rakan kongsi global kami, termasuk Sinovac dalam aktiviti pembuatan *fill and finish* serta pemindahan teknologi bagi mempercepatkan lagi proses penyediaan vaksin membasmi wabak ini.

"Kilang ini dijangka mampu membekalkan kira-kira dua juta dos vaksin sebulan sebaik dapat beroperasi sepenuhnya akhir bulan depan selepas kerja naik taraf kilang PLS selesai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian dengan Sinovac di sini, semalam.

Majlis menandatangani perjanjian yang dilangsungkan secara maya itu turut disaksikan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Zulkarnain berkata, kilang itu akan memproses vaksin tidak aktif (atau vaksin yang sudah dimatikan) iaitu vaksin yang terdiri daripada zarah virus yang dibangunkan dalam kultur dan kehilangan keupayaan menghasilkan penyakit.

Beliau berkata, teknologi vaksin ini sudah terbukti keberkesanannya sejak diperkenalkan lebih 40 tahun lalu dan sangat dipercayai, malah turut dikeluarkan

dalam bentuk siap digunakan dan tidak perlu dicairkan seperti yang diperlukan beberapa jenis vaksin COVID-19 lain yang ditawarkan di pasaran.

Katanya, keadaan suhu penyimpanan dan pendedaran vaksin ini di antara dua dan lapan darjah Celsius yang dapat dipecahkan oleh fasiliti sedia ada di PLS dan gudangnya.

"Pharmaniaga mempunyai pengalaman selama 26 tahun dalam menguruskan pendedaran vaksin dan mempunyai infrastruktur yang mapan untuk menampung keperluan ini.

"Vaksin Sinovac COVID-19 sudah selesai ujian klinikal Tahap 3 di Brazil dan Turki yang sekarang dalam proses mendapatkan kelulusan di negara berkenaan.

"Pada masa ini kami sedang dalam perbincangan dengan NPRA untuk mendaftarkannya dan dengan sokongan mereka, kami yakin akan dapat memproses serta menyediakan vaksin untuk diedarkan ke hospital-hospital kerajaan pada akhir Mac 2021," katanya.

Zulkarnain berkata, perjanjian dengan Sinovac adalah sesuatu yang amat bersejarah dan akan memberi pulangan yang besar bukan hanya untuk Pharmaniaga, malah kepada rakyat Malaysia.

"Pemindahan teknologi ini akan dapat memperkuatkan lagi rancangan Pharmaniaga membangunkan kilang vaksin halal pertama di dunia pada 2023, yang menyokong aspirasi kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada syarikat asing dalam penyediaan vaksin untuk rakyat," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata kerajaan berpuas hati dengan harga vaksin COVID-19 yang dihasilkan oleh Sinovac dan dijangka memuktamadkan perjanjian perolehan dengan Pharmaniaga untuk membeli vaksin berkenaan selewatnya minggu depan.

## Pesakit Tahap Satu, Dua jalani rawatan di rumah

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) menetapkan pesakit COVID-19 Tahap Satu dan Dua menjalani rawatan serta kuarantin di rumah dengan pemantauan ketat oleh petugas kesihatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pasukan khas diwujudkan pada peringkat Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), peringkat negeri dan daerah bagi memantau pesakit dirawat di rumah.

Bagaimanapun, katanya, pesakit bergejala akan dirawat di hospital dan menjalani proses pemantauan seperti biasa.

"Tindakan ini dilaksanakan kerana kita perlu cepat untuk buat rawatan serta pengasingan terhadap kes positif dan dengan ini, KKM akan terus buat pengesanan kontak bagi melandaikan lengkung COVID-19," katanya selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 KKM di sini, semalam.

Dr Adham berkata, pesakit Tahap Satu dan Dua itu diberi tempoh selama 10 hari untuk berada di rumah sebelum perlu menjalani ujian saringan pada hari terakhir: "Ujian saringan dibuat pada ha-

ri ke-10 di rumah masing-masing dan jika mereka negatif, ini bermaksud mereka bebas daripada COVID-19," katanya.

Dr Adham berkata, pihaknya akan menilai kegunaan rumah dan bilangan isi rumah yang ada, sebelum membenarkan pesakit COVID-19 Tahap Satu dan Dua terbabit menjalani rawatan di rumah masing-masing.

"Pasukan penilai sudah diwujudkan bagi meneliti kesiapsiagaan isi rumah serta keadaan rumah kerana jika rumah kecil, pesakit akan dibawa ke hospital.

"Sekiranya fasiliti rumah mencukupi dan ada bilik untuk diasingkan serta keluarga memahami isu kuarantin serta pengasingan, selain memahami prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM, mereka akan dirawat di rumah," katanya.

Ditanya bilangan pesakit menjalani rawatan dan kuarantin di rumah setakat ini, Dr Adham berkata, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah akan mengeluarkan perincian berhubung perkara berkenaan dalam masa terdekat. BERNAMA

## 3,309 kes baharu, sekali lagi catat angka tertinggi

**Putrajaya:** Malaysia sekali lagi merekodkan angka harian tertinggi bagi jangkitan baharu COVID-19 apabila 3,309 kes dilaporkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kumulatifnya mencecah 141,533 jangkitan, dengan 30,390 kes aktif.

Beliau berkata, jangkitan baharu itu membabitkan 3,303 penularan tempatan dan enam kes import.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi, iaitu 1,007 kes (30.4 peratus) dan daripada jumlah ini, 825 kes (81.9 peratus) daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Johor 442 kes (13.4 peratus) dan Sabah sebanyak 409 kes (12.4 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga merekodkan empat kematian baharu membabitkan rakyat tempatan.

"Ia menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat COVID-19 mencecah 559 kes (0.39 peratus).

"Dua kematian direkodkan di Selangor membabitkan dua lelaki



Dr Noor Hisham Abdullah

tempatan berusia 60 dan 67 tahun di Hospital Sungai Buloh dan mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Dua lagi kematian dicatatkan di Perak, iaitu membabitkan seorang wanita tempatan berusia 52 tahun di Hospital Taiping dan seorang lelaki berusia 69 tahun di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh," katanya.

Setakat ini, beliau berkata, 190 pesakit COVID-19 ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 83 memerlukan bantuan nafasan.

Pada masa sama, katanya, 1,469 pesakit COVID-19 ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 83 memerlukan bantuan nafasan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

## Ada 3,309 kes positif dengan 4 kematian

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 3,309 kes positif Covid-19 direkodkan semalam, dengan Selangor mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu 1,007 kes diikuti Johor dengan 442 kes dan Sabah sebanyak 409 kes.

Pada masa sama, empat kematian turut direkodkan menjadikan jumlah kematian kepada 559 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (*gambar*) berkata, jumlah keseluruhan kes positif di Malaysia meningkat kepada 141,533 kes dan kebolehjangkitan pula 30,390 kes.

"Daripada jumlah keseluruhan positif Covid-19, 3,303 kes membabitkan tempatan dan enam lagi kes import.

"Jumlah kes sembuh pula ialah 1,469 kes menjadikan jumlah keseluruhan pulih kepada 110,584 kes," katanya pada sidang media.

Selain itu, 190 kes positif Covid-19 kini di-

# 1,469

Jumlah kes sembuh menjadikan jumlah keseluruhan pulih 110,584 kes

rawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 83 kes memerlukan bantuan pernafasan.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

# Pesakit tahap 1&2 berubat di rumah

## KKM wujud pasukan pengawasan khas di luar hospital

**Putrajaya**

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menetapkan pesakit Covid-19 tahap satu dan dua menjalani rawatan serta kuarantin di rumah dengan pemantauan ketat oleh petugas kesihatan berkuatkuasa 1 Januari lepas, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, pasukan khas sudah diwujudkan di peringkat Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), peringkat negeri dan daerah bagi memantau pesakit yang dirawat di rumah.

Bagaimanapun, katanya, pesakit yang bergejala akan dirawat di hospital serta menjalani proses pemantauan seperti biasa.

"Tindakan ini dilaksanakan kerana kita perlu cepat untuk buat rawatan dan pengasingan terhadap kes positif dan dengan ini, KKM akan terus buat pengesanan kontak bagi melandaikan lengkung Covid-19," katanya kepada pemberita selepas

Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 KKM di sini, semalam.

Dr Adham berkata, pesakit tahap satu dan dua itu akan diberikan tempoh selama 10 hari untuk berada di rumah sebelum perlu menjalani ujian saringan pada hari terakhir.

"Ujian saringan akan dibuat pada hari ke-10 di rumah masing-masing dan jika mereka negatif, ini bermaksud mereka bebas Covid-19," katanya.

Dr Adham berkata, pihaknya akan menilai keluasan rumah serta bilangan isi rumah yang ada, sebelum membenarkan pesakit Covid-19 tahap satu dan dua terbabit menjalani rawatan di rumah masing-masing.

"Pasukan penilai diwujudkan bagi meneliti kesiapsiagaan isi rumah serta keadaan rumah kerana jika rumah kecil, pesakit akan dibawa ke hospital.

"Sekiranya fasiliti rumah mencukupi dan ada bilik un-

tuk diasingkan serta keluarga memahami isu kuarantin dan pengasingan selain memahami prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM, mereka akan dirawat di rumah," katanya.

Ditanya bilangan pesakit yang sudah menjalani rawatan dan kuarantin di rumah setakat ini, Dr Adham berkata, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah akan mengeluarkan perincian berhubung perkara tersebut dalam masa terdekat.

Dr Noor Hisham pada 4 Januari le-

pas dilaporkan berkata, KKM mempertimbangkan untuk mengasing dan mengkuarantin pesakit Covid-19 yang tidak bergejala dan bergejala ringan di rumah memandangkan kemudahan kesihatan sedia ada semakin terhad susulan peningkatan kes harian yang tinggi.



KKM komited landaikan lengkung Covid-19.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : K2



RAFIDAH (kiri) dan Khairul Shazwani (dua dari kanan) antara yang menyampaikan perkongsian mengenai penyakit buah pinggang semasa pelancaran laman web MYBuahPinggang.com baru-baru ini yang dibangunkan oleh Persatuan Tweet Perubatan #MedTweetMY.

## Perkongsian pakar dan pesakit



Rencana  
Utama

Oleh  
FARID AHMAD  
TARMIJI

**"K**INI, aku menelusuri kehidupan baharu ini dengan perspektif yang berbeza. Ternyata kesihatan juga adalah satu nikmat yang selalu kita lalakan dan kurang kata-kata syukur kepada yang Maha Esa."


Itulah bait-bait kata yang diungkap Khairul Shazwani Taib, 35, di laman web MYbuahpinggang.com. Laman web tersebut merupakan satu portal pendidikan yang memberi maklumat tepat berkaitan masalah penyakit buah pinggang.

Khairul Shazwani yang lebih mesra dengan panggilan Wali kini aktif berkongsi kisah hidupnya sebagai seorang pesakit masalah kegagalan buah pinggang kepada masyarakat.

"Di laman web ini, saya berkongsi pengalaman hidup saya sebagai seorang yang pernah berdepan masalah buah pinggang dan bagaimana saya melalui kehidupan normal setelah menjalani transplan pemindahan buah pinggang."

"Di-laman web ini juga banyak pakar nefrologi menyampaikan informasi berguna mengenai masalah buah pinggang," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Tambahnya, perkongsian yang tepat mengenai masalah penyakit ini amat penting bagi membolehkan mereka



BUAH pinggang merupakan organ penting yang perlu dijaga setiap manusia. - GAMBAR HIASAN

di luar sana yang berdepan dengan masalah ini mendapat maklumat sahih.

Wali menceritakan dia disahkan mengalami penyakit kegagalan buah pinggang pada lima tahun lalu.

"Saya sebelum itu sihat dan seorang yang aktif bersukan, tetapi berhadapan masalah gout di mana kaki membengkak. Setelah melakukan pemeriksaan akhirnya saya didiagnosis mempunyai masalah kegagalan buah pinggang tahap akhir."

"Siapa sangka, kerana saya pada masa itu tidak merasakan apa-apa kesakitan di bahagian pinggang."

"Pada ketika itu, saya tidak boleh menerima hakikat dan mula mencari maklumat berkaitan masalah penyakit buah pinggang di internet. Maklumat

diperoleh kebanyakan dari luar negara. Ini sedikit sebanyak menyukarkan saya untuk memahaminya," jelasnya.

Tambahnya, lambakan maklumat berkaitan penyakit tersebut yang diperolehnya di internet pada ketika itu juga belum tahu tentang kesahihannya. "Saya reda pada ketika itu apabila perlu melakukan dialisis untuk merawat kegagalan buah pinggang."

Wali menjelaskan dia harus menjalani Peritoneal Dialisis (PD). PD ialah salah satu cara mengeluarkan bahan kumuh dari badan apabila seseorang itu sudah didiagnosis sebagai pesakit buah pinggang tahap akhir.

"Saya menjalani PD ini empat kali sehari dengan setiap sesi mengambil masa setengah jam. Saya melakukannya

selama lebih tiga tahun sebelum melakukan transplan.

"Sewaktu menghadapi masalah itu, saya bekerja sebagai jurutera di sebuah kilang. Mujur majikan memahami penyakit yang saya hadapi dengan membenarkan saya bekerja secara syif bagi membolehkan saya melakukan PD," katanya.

Jelasnya, apabila melakukan PD, Wali tidak boleh melakukan aktiviti lasak yang melibatkan banyak sentuhan.

Ini kerana dia perlu menjaga tiub di bahagian perutnya.

"Saya juga tidak boleh mengangkat benda yang berat pada ketika itu bagi menjaga tiub pada bahagian perut," ujarnya yang kini bekerja sebagai seorang konsultan teknikal.

Penderitaan Wali bagaimanapun berakhir apabila menjalani transplan pemindahan buah pinggang tahun lalu.

"Saya bersyukur penderitaan saya berakhir setelah abang kandung saya mengambil keputusan mendermakan buah pinggangnya untuk saya dan kami berdua menjalani transplan pada Januari tahun lalu," jelasnya.

Tegasnya, kehidupan kini kembali seperti normal dan hanya perlu mematuhi pengambilan ubat-ubatan bagi memastikan buah pinggang yang didermakan berfungsi baik.

Wali juga tidak perlu lagi menjalani rawatan dialisis dan dapat menghayati kebebasan sebenar dalam hidup.

Kini, dengan adanya laman web MYBuahPinggang.com, pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang atau ahli keluarga yang ingin mengetahui akan maklumat yang komprehensif dan tepat boleh akses ke laman itu secara percuma.

MYBuahPinggang.com yang

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : K2

dirasmikan Disember lalu hakikatnya satu usaha daripada gerakan sukarela dimulakan oleh sekumpulan doktor pakar dan pesakit buah pinggang bagi memberi kesedaran yang lebih meluas kepada orang ramai mengenai penyakit tersebut.

Laman web itu telah dibangunkan oleh Persatuan Tweet Perubatan #MedTweetMY dengan mendapat sokongan daripada pasukan Nefrologi dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF Malaysia), Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher menjelaskan, pengenalan laman web tersebut sangat tepat pada masanya.

"Pesakit kini boleh mengakses semua maklumat yang diperlukan mengenai kesihatan buah pinggang melalui laman web ini.

"Tahniah kepada mereka yang telah membangunkan laman web ini dan menjadikan projek ini sebagai realiti. Dalam memberikan maklumat yang sah, laman web yang boleh dipercayai sangat penting untuk diterima pakai pesakit sekali gus membantu mereka membuat keputusan yang tepat," katanya.

Tambahnya, NKF Malaysia akan terus menyokong dan bekerjasama dengan Persatuan Nefrologi Malaysia serta KKM, terutama untuk memberikan rawatan dialisis yang berkualiti kepada pesakit miskin.

Pihaknya juga akan bersama-sama mempromosikan pendermaan organ, berkempen dan menjalankan program pendidikan serta kesedaran awam untuk menentang pengajangan buah pinggang yang baik.

Dalam pada itu, Pakar Nefrologi dan Perubatan Dalaman, Hospital Putrajaya yang juga Pengerusi Bersama MYBuahPinggang.com, Dr. Rafidah Abdullah berkata, idea untuk membangunkan laman web khusus untuk penyakit buah pinggang telah lama dirancang.



LAMAN web ini turut menyediakan maklumat asas seperti anatomi.

#### INFO

##### MyBuahPinggang.com

- Dibangunkan oleh Persatuan Tweet Perubatan #MedTweetMY dengan mendapat sokongan daripada pasukan Nefrologi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Diperakukan oleh Perkhidmatan Nefrologi KKM dan Persatuan Nefrologi Malaysia sebagai pusat sumber maklumat sehenti berkenaan penyakit buah pinggang
- Boleh diakses oleh orang ramai secara percuma

"Sebelum ini saya sendiri menggunakan media sosial untuk berkongsi maklumat, begitu juga dengan pakar-pakar yang lain.

"Kami menyedari orang ramai ingin tahu dengan lebih mendalam mengenai

penyakit kegagalan buah pinggang. Oleh itu kami mengambil keputusan membangunkan sebuah laman web untuk pesakit dan orang ramai," jelasnya.

Tegasnya, laman web tersebut adalah pusat sehati yang menyebarkan maklumat yang betul dan sah berkaitan penyakit tersebut.

Ramai pakar yang terlibat dan orang ramai boleh melihat profil doktor di laman web berkenaan.

Sementara itu, antara kandungan yang ada di laman web tersebut merangkumi anatomi dan fungsi buah pinggang, jenis penyakit buah pinggang, penyebab, gejala, rawatan dan pencegahannya.

Pengunjung juga boleh mengetahui tentang rawatan dialisis, rawatan konservatif dan juga transplan.

Dari aspek transplan misalnya, pengunjung boleh mengetahui lebih lanjut mengenai proses itu di Malaysia serta pandangan dari perspektif agama.



DR. NOOR HISHAM

## Menghidap penyakit buah pinggang tanpa disedari

TIDAK boleh dinafikan, penyakit buah pinggang menjadi antara penyumbang utama kepada punca kematian dalam kalangan rakyat Malaysia.

Berdasarkan satu kajian yang dilakukan pada tahun 2018 mendedahkan, sebanyak 15.48 peratus rakyat Malaysia menghadapi penyakit buah pinggang kronik.

Sekitar 50,000 pesakit menjalani rawatan dialisis di seluruh negara dan sebilangan besar pesakit adalah daripada kumpulan B40 dan penduduk luar bandar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kebanyakan pesakit itu bagaimanapun tidak menyedari mereka menghadapinya pada peringkat awal.

"Apa yang paling membimbangkan kebanyakan daripada mereka (pesakit buah pinggang) tidak sedar bahawa mereka menghadapi penyakit tersebut.

"Ini disebabkan pesakit-pesakit ini tidak mempunyai sebarang gejala di peringkat awal dan apabila pesakit bergejala, seringkali mereka telahpun berada pada tahap yang serius," katanya semasa merasmikan pelancaran laman web MYBuahPinggang.com yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Dr. Noor Hisham berkata, beliau menyambut baik kewujudan laman web tersebut yang akan menjadi pusat sehati kepada pelbagai maklumat tentang penyakit buah pinggang. Kewujudan laman web itu juga di harap mempertingkatkan tahap kesedaran masyarakat sekali gus mengurangkan kes penyakit buah pinggang kronik di Malaysia.

Katanya, walaupun negara sedang sibuk melawan pandemik Covid-19, namun usaha melawan penyakit lain seperti penyakit buah pinggang tetap menjadi keutamaan kementerian.

"Kita bukan sahaja mesti menang lawan Covid-19, tetapi menang melawan penyakit buah pinggang kronik," katanya.



DIALISIS merupakan antara proses yang perlu dilalui penghidap penyakit buah pinggang. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 8  
 RUANGAN : NEGARA

## Kes baharu pecah rekod lagi

**PUTRAJAYA** – Negara merekodkan kes tertinggi dengan 3,309 kes semalam, iaitu sehari sebelum menjelang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula hari ini.

Selangor mencatatkan kes tertinggi semalam dengan 1,007 diikuti Johor (442 kes) dan Sabah (409 kes).

Terdapat empat kes kematian dilaporkan di Selangor dan Perak melibatkan tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 52 hingga 69 tahun dan jumlah kes kematian di Malaysia kini merekodkan sebanyak 559 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 11 kluster baharu dilaporkan iaitu Kluster Jalan Manan di Klang, Selangor dengan 83 kes saringan bersasar di sebuah kilang.

Menurutnya, Kluster Persiaran Kuala pula di Petaling, Klang dan Sabak Bernam dengan 44 kes hasil saringan bersasar di sebuah kilang.

“Kluster Udarama pula di Lembah Pantai, Kuala Lumpur dengan 21 kes hasil saringan bersasar di sebuah syarikat penga-



### Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	<b>3,309</b>
<b>Import: 6 Tempatan: 3,303</b>	
• Pulih	<b>1,469</b>
• Kematian	<b>4</b>
• Masih dirawat	<b>30,390</b>
• Jumlah kes sembuh	<b>110,584</b>
• Jumlah Kematian	<b>559</b>
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>141,533</b>

wal keselamatan.

“Seterusnya, Kluster Iris melibatkan pasar raya di Lembah Pantai dengan kes indeks saringan bergejala dan 11 kes dikesan,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Katanya, Kluster Jalan Kiara pula di Kepong dan Cheras melibatkan 22 kes daripada saringan bersasar di sebuah pasar raya.

“Selain itu, Kluster Dialisis Batu di Titiwangsa, Cheras dan Kepong dengan kes indeks saringan bergejala dengan enam kes dikesan lagi dikesan.

“Kluster Bukit Sekubong pula di Bintulu, Sarawak dengan kes indeks saringan bergejala manakala, 21 kes dikesan dalam kluster ini,” katanya.

Noor Hisham berkata, satu lagi kluster ialah Kluster Kampung Badak di Bachok dan Kota Bharu, Kelantan serta Hulu Langat, Selangor dengan kes indeks saringan bergejala serta mempunyai sejarah perjalanan ke Selangor dan sehingga kini, sebanyak 39 kes positif dikesan.

“Kluster Taman Kesedar di Gua Musang dengan kes indeks mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan sebanyak 14 kes dikenal pasti.


“Kluster Dialisis Putra di Presint 9, Putrajaya dengan kes indeks saringan bergejala dan 10 kes dikesan,” katanya.

Tambahnya, Kluster Permint Harmoni pula di Kuala Terengganu dengan kes indeks kes jangkitan pernafasan akut teruk dan lapan kes dikesan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI



## 3,309 kes hari pertama darurat

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**  
utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Kes harian Covid-19 semakin membimbangkan apabila merekodkan kes tertinggi hari pertama pelaksanaan darurat dilaksanakan iaitu sebanyak 3,309 kes.

Jumlah kes harian itu merupakan kali kedua melebihi angka 3,000 sejak pandemik Covid-19 melanda negara dengan kali pertama dicatatkan pada 7 Januari lalu sebanyak 3,027 kes sebaik sahaja tahun 2021 membuka tirai.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif negara sebanyak 141,433 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan pula adalah 30,390 kes.

Terdapat pula, 190 kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 83 kes memerlukan bantuan pernafasan serta empat kematian, selain pertambahan 11 kluster baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor terus mere-

kodkan kes positif baharu sebanyak 1,007 diikuti Johor, 442 dan Sabah, 409 serta Kuala Lumpur, 326.

Katanya, Pulau Pinang pula, 317 kes dan Perak, 241 kes serta Sarawak, 146 kes manakala baki negeri merekodkan kes purata dua digit kecuali Perlis, sifar kes.

"Bagi kes sembuh pula, Malaysia merekodkan sebanyak 1,469 kes dan jumlah kumulatif kes pulih 110,584 kes.

"Sebanyak 439 kes yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (192 kes), Kluster Tembok Choh (162 kes), Kluster Tembok Mempaga (70 kes), Kluster Tembok Gajah (7 kes), Kluster Pagar Siput (3 kes), Kluster Telok Mas (3 kes), dan Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes)," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas mengenai 11 kluster baharu, Dr. Noor Hisham berkata, lima kluster berkaitan tempat

kerja iaitu Kluster Jalan Manan di Klang, Selangor, terdapat 83 kes selepas 311 individu disaring dan Kluster Persiaran Kuala di Petaling, Klang, dan Sabak Bernam, Selangor, seramai 2,020 individu disaring, di mana 44 kes positif.

Katanya, Kluster Udarama pula membabitkan sebuah syarikat pengawal keselamatan di Lembah Pantai, Kuala Lumpur, seramai 134 individu disaring, di mana 21 kes positif direkodkan.

Dua lagi katanya, Kluster Iris melibatkan sebuah pasar raya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur, seramai 414 individu disaring, di mana 11 kes positif dan Kluster Jalan Kiara di Kepong dan Cheras, Kuala Lumpur membabitkan sebuah pasar raya, seramai 85 individu disaring, di mana 22 kes positif.

"Selain itu, Kluster Dialisis Batu melibatkan Titiwangsa, Cheras, dan Kepong, Kuala Lumpur, seramai 140 individu disaring, di mana enam kes positif dan Kluster Bukit Sekubong melibatkan Bintulu, Sarawak, seramai 32



**ORANG ramai membeli barangan keperluan berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula hari ini hingga 26 Januari di Pasar Tani Presint 3, Putrajaya semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA**

individu disaring, di mana 21 kes positif.


"Bagi kluster berkaitan rentas negeri, Kluster Kampung Badak melibatkan Bachok dan Kota Bha-

ru, Kelantan serta Hulu Langat, Selangor, seramai 170 individu disaring, di mana 39 kes positif dan Kluster Taman Kesedar di Gua Musang, Kelantan, seramai

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI



## Pasar malam, gunting rambut antara dilarang beroperasi

**PUTRAJAYA:** Jutaan penduduk di lima negeri dan kesemua tiga Wilayah Persekutuan sekali lagi berdepan dengan pelbagai sekatan ekonomi, sosial, sukan, rekreasi dan pelancongan.

Langkah tegas itu kata Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob susulan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai esok sehingga 26 Januari ini.

"Semua penduduk dalam kawasan PKP juga tidak dibenarkan keluar dari kediaman mereka kecuali atas urusan tertentu," katanya pada sidang akhbar mengenai isu PKP di sini semalam.

Bagaimanapun, cuma dua orang dibenarkan keluar untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas lain dalam radius tidak lebih 10 kilometer dari rumah.

Katanya, maksimum tiga orang termasuk pesakit dibenarkan keluar untuk perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubahan ke lokasi paling hampir.

"Bagi misi kemanusiaan terhadap mangsa bencana alam

oleh badan sukarela, mereka perlu mendapat keizinan polis dan bantuan disalurkan kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana," katanya.

Menyentuh aktiviti ekonomi ujarnya, operasi pasar malam, bazar larut malam, kedai pakaian, dobi layan diri, cermin mata, gunting rambut, salon, spa dan refleksologi adalah dilarang.

Selain itu, turut dilarang kelas tuisyen, muzik, tarian, seni, mengaji, bahasa dan sebagainya selain aktiviti hiburan meliputi kelab malam, pub, taman tema, karaoke famili, permainan dan pawagam.

Tidak ketinggalan ditegah ialah konsert, mesyuarat berse-muka agensi kerajaan atau swasta, seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, konvensyen dan pameran.

"Majlis sosial seperti kenduri, perkahwinan, pertunangan, resepsi, aqiqah, doa selamat, tahlil, ulang tahun tertentu, hari kelahiran, reunion dan retreat juga tidak boleh," tegas Ismail Sabri.

Begitu juga aktiviti riadah termasuk menganjur kejohanan

atau pertandingan sukan atau melibatkan peserta luar negara serta ramai yang sukar dikawal jarak fizikal kecuali jogging dan berbasikal.

Sementara aktiviti dibenarkan meliputi restoran, kedai atau gerai, kenderaan bersaji, penjaja, medan selera, kiosk, kedai runcit dan serbaneka dari pukul 6 pagi hingga 8 malam sahaja.

Semuanya secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran dengan tempoh waktu sama manakala klinik swasta dan hospital boleh beroperasi seperti biasa selama 24 jam sehari.

Sebaliknya kedai farmasi, keperluan harian, kedai dobi, klinik veterinar dan kedai makanan haiwan juga 6 pagi hingga 8 malam, namun stesen minyak pula dilanjutkan hingga 10 malam.

"Kecuali di lebuhraya yang kekal 24 jam tetapi pasar harian dan tani dari 7 pagi sehingga 2 petang, pasar borong dari 12.01 tengah malam hingga 6 pagi dan 11 pagi hingga 4 petang," jelasnya.

## Syarat lebih ketat masuk Kelantan

**KOTA BHARU:** Syarat lebih ketat dikenakan kepada individu yang ingin memasuki negeri ini termasuk perlu mengemukakan keputusan ujian swab bersama surat kebenaran polis, berkuat kuasa tengah malam ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr. Izani Husin berkata, mereka juga dikehendaki memakai gelang merah jambu dan menjalani kuarantin 10 hari.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) di Kompleks Kota Darulnaim di sini semalam, katanya, akibat kegiatan rentas kawasan, kes Covid-19 melonjak 62 peratus dan negeri ini mungkin akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) jika bilangan kes terus meningkat



157 individu disaring, di mana 14 kes positif," katanya.

Tambahnya, Kluster Dialisis Putra di Presint 9, Putrajaya, seramai 25 individu disaring, di mana 10 kes positif dan Kluster Permis Harmoni di Kuala Terengganu, Terengganu, seramai 52 individu disaring, di mana lapan kes positif," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



Dr Adham menyampaikan ucapan pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 KKM di Putrajaya pada Selasa.

### Pesakit Covid-19 tahap satu, dua dirawat kuarantin di rumah

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menetapkan, pesakit Covid-19 tahap satu dan dua menjalani rawatan serta kuarantin di rumah dengan pemantauan ketat oleh petugas kesihatan berkuat kuasa 1 Januari lepas.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pasukan khas telah diwujudkan di peringkat Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), peringkat negeri dan daerah bagi memantau pesakit yang dirawat di rumah.

Bagaimanapun katanya, pesakit yang bergejala akan dirawat di hospital serta menjalani proses pemantauan seperti biasa.

"Tindakan ini dilaksanakan kerana kita perlu cepat untuk buat rawatan dan pengasingan terhadap kes positif dan dengan ini, KKM akan terus buat pengesanan kontak bagi melandaikan lengkung Covid-19," katanya di sini pada Selasa.

Dr Adham berkata, pesakit tahap satu dan dua itu akan diberikan tempoh selama 10 hari untuk berada di rumah sebelum perlu menjalani ujian saringan pada hari terakhir.

"Ujian saringan akan dibuat pada hari ke-10 di rumah masing-masing dan jika mereka negatif, ini bermaksud mereka telah bebas daripada Covid-19," katanya.

Dr Adham berkata, pihaknya akan menilai keluasan rumah serta bilangan isi rumah yang ada, sebelum membenarkan pesakit Covid-19 tahap satu dan dua terbabit menjalani rawatan di rumah masing-masing.

"Pasukan penilai telah diwujudkan bagi meneliti

kesiapsiagaan isi rumah serta keadaan rumah kerana jika rumah kecil, pesakit akan dibawa ke hospital.

"Sekiranya fasiliti rumah mencukupi dan ada bilik untuk diasingkan, serta keluarga memahami isu kuarantin dan pengasingan, selain memahami prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM, mereka akan dirawat di rumah," katanya.

Sementara itu, Dr Adham memaklumkan Pelan Strategik Pengurusan Pandemik Nasional yang meliputi pengurusan pandemik termasuk wabak Covid-19 dengan menggunakan pendekatan menyeluruh untuk seluruh negara, akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Katanya, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Strategik Pengurusan Pandemik yang dipengerusikan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dengan 10 kumpulan kerja fokus bagi pelaksanaan pelan nasional itu.

Mengenai perolehan vaksin Covid-19, Dr Adham berkata, beliau telah berjaya memuktamadkan jaminan akses vaksin negara sebanyak 40 peratus dengan menandatangani perjanjian pembelian awal vaksin Covid-19 dengan beberapa syarikat farmaseutikal dan fasiliti Covid-19 Vaccine Global Access (COVAX).

"Walaupun vaksin Covid-19 akan diberikan kepada rakyat, namun kempen-kempen kesedaran terhadap pembudayaan norma baharu perlu digiatkan sebagai kemestian dalam memutuskan rantaian Covid-19, vaksin bukanlah penyelesaian mutlak," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID19

# Kes baharu Covid-19 terus meningkat

Rekod tertinggi apabila 3,309 kes baharu dilaporkan pada Selasa dengan empat kematian

**KUALA LUMPUR**

Malaysia mencatatkan kes harian tertinggi positif Covid-19 apabila 3,309 kes dilaporkan pada Selasa menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan kini meningkat kepada 30,390 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan, enam daripadanya merupakan kes import manakala selebihnya, 3,303 kes melibatkan penularan tempatan.

"Kes jangkitan baharu Covid-19 mencatatkan jumlah tertinggi apabila 3,309 kes dilaporkan hari ini (Selasa) dengan empat kematian. Jumlah keseluruhan kes positif di Malaysia pula meningkat kepada 141,533 kes," katanya dalam Twitter rasmi beliau pada Selasa.

Angka tertinggi kes harian Covid-19 sebelum ini adalah 3,027 kes yang dicatatkan pada 7 Januari 2021.

Sementara itu, lebih 50 peratus kes baharu dilaporkan di tiga negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 12.01 tengah malam tadi iaitu Selangor yang mencatatkan 1,007 kes (30.4 peratus), Johor (442 kes - 13.4 peratus) dan Sabah (409 kes - 12.4 peratus).

Menerusi kenyataannya pada Selasa, Dr Noor Hisham berkata, di Selangor, sebanyak 825 kes dikesan daripada kluster dan saringan kontak rapat



DR NOOR HISHAM

yang aktif dijalankan di lapangan.


"Sebanyak 439 kes (13.3 peratus) yang dilaporkan pula berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan iaitu 192 kes, Kluster Tembok Choh (162 kes), Kluster Tembok Mempaga (70 kes), Kluster Tembok Gajah (tujuh kes), Kluster Pagar Siput (tiga kes), Kluster Telok Mas (tiga kes), dan Kluster Penjara Seberang Perai (dua kes)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiga daripada empat kes kematian dilaporkan pada Selasa adalah di Selangor dan satu lagi di Perak, dengan kesemua mangsa berumur antara 52 hingga 69 tahun menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat wabak itu meningkat kepada 559 kes.

Sehingga kini, beliau berkata, terdapat 190 kes yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 83 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Malaysia turut merekodkan 1,469 kes sembuh, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya sebanyak 110,584 kes. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION/NEWS

COVID-19

# DAILY CASES HIT NEW RECORD OF 3,309

Of the number, 6 were imported while the remaining 3,303 cases were local

DHESEGAAN BALAKRISHNAN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**O**N the same day the Yang di-Pertuan Agong declared a nationwide state of emergency to curb the Covid-19 pandemic, Malaysia logged a new record high in daily infections at 3,309 cases up to noon yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said

that of the figure, six were imported cases, and the rest (3,303) were local. He said there were 190 patients in intensive care units, with 83 on respiratory support.

Dr Noor Hisham said there were four new fatalities, bringing the death toll to 559.

Malaysia also recorded 1,469 recoveries yesterday, pushing the recovery tally to 110,584.

On Covid-19 clusters, he said the country reported 11 new clusters in the past 24 hours, including five workplace-related clusters in the Klang Valley.

"The total number of active clusters currently stands at 261. Of the total, 77 clusters clocked new cases today (yesterday).

"The clusters that reported the highest number of new cases are the Jalan Harapan Prison cluster

(192 cases), Teratai cluster (176 cases) and the Tembok Choh cluster (162 cases)," he said.

From the 11 new clusters reported, the Jalan Manan cluster involving a factory at Jalan Haji Abdul Manan in Klang, Selangor, logged the highest number of cases (83 cases). The Lembah Pantai district in Kuala Lumpur reported two new clusters, namely the Udarama cluster and the Iris cluster.

In Putrajaya, the Dialisis Putra cluster reported 10 new cases up to noon yesterday.

Dr Noor Hisham also said eight clusters ended yesterday, namely the Atabara, Senu Setia, Bonggaya, Jernai, Pengkalán Barat, Puteh Lama and Jalan Bukit construction sites and Sabaru clusters.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation		Malaysia															
(As at 7pm Jan 13, 2021)		New cases															
		Total cases															
		Total deaths															
		Total recovered															
		Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N.Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan
		0	+62	+317	+241	+1,007	+86	+20	+96	+85	+21	+442	+409	+146	+326	+36	+15
<b>Asean+</b>		Indonesia	Philippines	Japan	Myanmar	China	S. Korea	Singapore	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos				
Confirmed cases		846,765	491,258	286,775	131,186	87,591	69,651	58,946	10,834	1,515	392	174	41				
Deaths		24,645	9,554	4,044	2,858	4,634	1,165	29	67	35	0	3	0				
Recovered		695,807	458,172	222,963	114,609	82,260	53,569	58,668	6,732	1,361	374	153	40				
<b>Global Top 10</b>		US	India	Brazil	Russia	UK	France	Turkey	Italy	Spain	Germany						
Confirmed cases		22,143,197	10,479,913	8,133,833	3,448,203	3,118,518	2,786,838	2,336,476	2,289,021	2,111,782	1,941,119						
Deaths		385,249	151,364	203,617	62,804	81,960	68,060	22,981	79,203	52,275	42,097						
Recovered		13,680,461	10,111,294	7,207,483	2,825,430	1,406,967	203,072	2,208,451	1,633,839	N/A	1,570,000						

# Warded at home with mild symptoms

## Ministry will assess if arrangement is viable

By CLARISSA CHUNG - clarissachung@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Covid-19 patients who have mild or no symptoms will undergo treatment and quarantine at home, but they will be monitored strictly by health workers, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

A task force has been formed at the Crisis Preparedness and Emergency Response Centre level, state and district levels to monitor patients being treated at home, he added.

He said the home quarantine applies to Level One and Level Two Covid-19 patients, reported Bernama.

Under the Health Ministry's system, Level One is for positive cases that do not show any symptoms, while Level Two are patients who show mild symptoms.

Level Three cases are patients with pneumonia, Level Four are those who have inflammation in the lungs and require oxygen while Level Five patients are those who come to the hospital in the late stages of the illness and require ventilator support.

"We are doing this as we need to act fast in treating and isolating positive cases and, to this end, the MOH will continue with contact tracing in efforts to flatten the Covid-19 curve," he said after attending the ministry's New Year mandate ceremony here yesterday.

Dr Adham said the Level One and Two patients will be quarantined at home for 10 days and a screening test will be conducted on them on the last day.

"The screening test will be done

in their respective homes and if the result is negative, they are free from Covid-19," he said.

Dr Adham said ministry staff will assess the size of the house and number of occupants before allowing these patients to undergo treatment at their respective homes, adding that if the house is small or crowded, the patients will be taken to hospital.

"If the facilities at home are satisfactory, with sufficient space for isolation and the family understands the need for quarantine and the standard operating procedures set by the ministry ... they will be treated at home," he added.

He said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah will give details on the home treatment and quarantine soon.

On Jan 4, Dr Noor Hisham said MOH was considering isolating and treating Covid-19 patients who are without symptoms and or with mild symptoms at home, as the existing health facilities are not able to cope with the surge in daily cases.

Other countries have also opted to have Covid-19 patients with mild symptoms undergo isolation or quarantine at home.

In the United States, those who tested positive for the virus but who are asymptomatic are required to stay at home until it is safe for them to be around others.

People who display symptoms of Covid-19 but are able to recover at home can also undergo isolation at home, said the Centres for Disease Control and Prevention.

However, if patients manifest emergency warning signs such as trouble breathing or persistent chest pains, they are required to

seek emergency medical care immediately.

In Singapore, quarantine orders are issued to those who are confirmed or suspected Covid-19 cases and Singapore's health ministry will determine if an individual should be quarantined at home or at quarantine facilities or hospitals, based on an assessment of a person's contact history, state of health and suitability of the home.

Travellers from selected countries may be able to serve their 14-day quarantine period at their place of residence rather than at a dedicated facility.

At immigration checkpoints, eligible travellers are issued electronic monitoring devices, which are activated immediately when they reach their quarantine accommodation.

In Australia, those who screened for the virus or who display symptoms are required to stay at home until they have tested negative or they are no longer exhibiting symptoms.

Those who are considered a suspect Covid-19 case will be advised by the public health authorities on whether they are to be isolated at home or in the hospital.

When isolating at home, patients whose symptoms get worse are to seek emergency medical attention.

While guidelines for home quarantine across different countries vary, common principles would be for patients to stay in a room separate from other household members.

Patients are encouraged to use a separate bathroom if possible and to avoid sharing personal household items with others.

### STAYING AT HOME WITH A COVID-19 PATIENT



The district health office will contact you to:

- Undergo Covid-19 swab test
- Pass you the home surveillance order and quarantine wristband

Source: Health Ministry

TheStar graphics

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDER

## Strategies to deal with future pandemics in the pipeline

**PUTRAJAYA:** The National Pandemic Management Strategic Plan, which encompasses the management of pandemics including Covid-19 as a whole-nation approach, will be launched soon, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

According to him, the government has set up the Pandemic Management Strategic Committee, which is chaired by Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob with 10 working groups to implement the national plan.

Adham said he will lead the health security working group which has the responsibility of ensuring Malaysia reduce the risk and threats as well as recover from a pandemic through several actions.

"A total of 136 initiatives have been drawn up by the working groups and will be implemented within five years," he said in his speech at the Health Ministry's New Year Mandate ceremony here yesterday.

Adham said the use of existing health facilities should be optimised through the 3R approach, namely repair, replace and restore.

"Priority is given to enhancing the aspects of safety, comfort and more effective facility operations. Special focus should be given to improving necessary health facilities in the urban and rural areas," he said.

On the procurement of the Covid-19 vaccine, Adham said he had finalised the country's 40% guarantee of vaccine supply by signing the advance purchase agreement for the vaccine with several pharmaceutical companies and Covid-19 Vaccine Global Access (Covax) facility.

"We are actively negotiating with several vaccine manufacturing companies to meet immunisation needs of Malaysians," he explained.

Adham said people are placing their high hopes on the government to get the Covid-19 vaccine as protection to lead a normal life, in addition to helping to open up the economic sectors on a large scale.

"Even though the Covid-19 vaccine will be given to the people, the awareness campaigns on cultivating the new norms should be intensified in a bid to break the chain of Covid-19 as the vaccine is not a silver bullet," he said. - Bernama